

TERMA & SYARAT

CABUTAN BERTUAH PROMOSI PEMBIAYAAN PERIBADI-i SNAP DASH – MERDEKA EDITION

1. DEFINISI

- 1.1. Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut adalah bermaksud seperti makna yang diberikan kepadanya:-
- 1.2. "Co-opbank Pertama (CBP)" bermaksud Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Koperasi No.1146), koperasi yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat perniagaan di Wisma Co-opbank Pertama, No. 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur.
- 1.3. "Cabutan" proses cabutan iaitu Pemilihan Secara Rawak yang akan dilakukan oleh pihak CBP bagi tujuan pemilihan pemenang bagi Promosi Pembiayaan Peribadi-i Snap Dash – Merdeka Edition.
- 1.4. "Promosi" bermaksud Promosi Pembiayaan Peribadi-i Snap Dash – Merdeka Edition yang dianjurkan oleh CBP dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 1.5. "Pelanggan Yang Layak" bermaksud pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan penyertaan bagi Promosi dan Cabutan Bertuah sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Sila rujuk di Klausula 3.1.

2. TEMPOH CABUTAN BERTUAH

- 2.1. Tempoh Cabutan Bertuah adalah bermula pada tarikh **15 Ogos 2026** sehingga **15 Oktober 2026** (termasuk kedua – dua tarikh tersebut) atau sehingga dana yang diperuntukkan bagi Promosi habis digunakan, mana-mana yang terdahulu.
- 2.2. Hanya pelanggan yang memenuhi semua syarat kelayakan dan mempunyai pembiayaan yang diluluskan, diterima dan dikeluarkan dalam Tempoh Cabutan Bertuah akan dipertimbangkan untuk menyertai Cabutan Bertuah.
- 2.3. Pihak CBP mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Cabutan Bertuah tersebut mengikut budi bicara secara mutlak dengan memberi notis dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja melalui laman sesawang rasmi CBP atau mana-mana saluran rasmi CBP dan segala keputusan yang berkaitan tempoh tersebut adalah muktamad.

3. KELAYAKAN PENYERTAAN

- 3.1. Cabutan Bertuah ini terbuka kepada semua pelanggan yang melanggan produk Pembiayaan Peribadi di bawah Promosi Pembiayaan Peribadi-i Snap Dash – Merdeka Edition tertakluk kepada pematuhan terhadap Terma dan Syarat Promosi.
- 3.2. Untuk layak menyertai Cabutan Bertuah, pelanggan hendaklah memenuhi kesemua syarat berikut:
 - i. Pembiayaan pelanggan telah diluluskan oleh CBP;
 - ii. Pelanggan telah menerima tawaran pembiayaan dalam tempoh yang ditetapkan;
 - iii. Pembiayaan pelanggan telah dikeluarkan dalam Tempoh Cabutan Bertuah; dan
 - iv. Akaun Pembiayaan pelanggan masih aktif pada tarikh Cabutan Bertuah.
- 3.3. Pelanggan yang telah membuat penyelesaian penuh terhadap Akaun Pembiayaan sebelum tarikh Cabutan Bertuah adalah tidak layak untuk menyertai atau memenangi Cabutan Bertuah.

- 3.4. Pelanggan yang gagal memenuhi mana-mana syarat Promosi atau Terma dan Syarat ini boleh dibatalkan kelayakannya daripada Cabutan Bertuah.
- 3.5. Penyertaan Cabutan Bertuah adalah berdasarkan rekod pembiayaan yang terdapat dalam sistem CBP dan semakan kelayakan akan dibuat oleh pihak CBP sebelum proses cabutan dilaksanakan.

4. MEKANISME CABUTAN BERTUAH

- 4.1. Setiap Pelanggan Yang Layak akan diberikan satu (1) penyertaan dalam Cabutan Bertuah.
- 4.2. Bagi pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun Pembiayaan yang memenuhi syarat kelayakan, pelanggan tersebut hanya layak menerima satu (1) penyertaan dalam Cabutan Bertuah.
- 4.3. Senarai Pelanggan Yang Layak akan dijana berdasarkan rekod dan data pembiayaan dalam sistem CBP dan tertakluk kepada proses pengesahan serta semakan dalaman CBP.
- 4.4. Cabutan Bertuah akan dijalankan pada tarikh, masa dan kaedah yang ditetapkan oleh CBP tertakluk kepada Tempoh Cabutan Bertuah.
- 4.5. CBP berhak menentukan kaedah cabutan dan proses pemilihan pemenang bagi memastikan Cabutan Bertuah dilaksanakan secara teratur dan telus.
- 4.6. Setiap Pelanggan Yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) hadiah sahaja dalam Cabutan Bertuah ini.

5. HADIAH CABUTAN BERTUAH

- 5.1. Hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi Cabutan Bertuah adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	HADIAH	JUMLAH PEMENANG
1.	Hadiah Utama	Honda ADV 160	1 Pemenang
2.	Hadiah Pertama	iPhone 17 Pro 256GB	1 Pemenang
3.	Hadiah Kedua	iPad Air M4 128GB Wifi	2 Pemenang
4.	Hadiah Ketiga	Samsung 55" UHD 4K Smart TV	3 Pemenang
5.	Hadiah Saguhati	PETRONAS Petrol Baucher RM200	50 Pemenang
JUMLAH KESELURUHAN			57 Pemenang

- 5.2. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau digantikan dengan hadiah lain atas permintaan pemenang.
- 5.3. CBP berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara sekiranya hadiah asal tidak tersedia atau tidak dapat diperolehi atas apa-apa sebab.

- 5.4. Gambar atau ilustrasi hadiah yang digunakan dalam mana-mana bahan promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan spesifikasi sebenar hadiah adalah tertakluk kepada produk yang dibekalkan oleh pembekal.

6. PEMILIHAN DAN PENGUMUMAN PEMENANG

- 6.1. Pemenang akan dipilih melalui proses Cabutan Bertuah daripada senarai Pelanggan Yang Layak.
- 6.2. Keputusan Cabutan Bertuah yang dibuat oleh CBP adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 6.3. Pemenang akan dimaklumkan melalui saluran komunikasi rasmi CBP dan/atau mana-mana kaedah komunikasi yang ditentukan oleh CBP.
- 6.4. Pemenang hendaklah memberikan maklumat dan/atau dokumen yang diperlukan oleh CBP bagi tujuan pengesahan identiti dan tuntutan hadiah.
- 6.5. Sekiranya pemenang gagal dihubungi, gagal memberikan maklum balas, gagal mengemukakan dokumen yang diperlukan atau gagal membuat tuntutan hadiah dalam tempoh yang ditetapkan oleh CBP, CBP berhak membatalkan pemilihan pemenang tersebut dan membuat cabutan semula bagi memilih pemenang baharu.
- 6.6. Pemenang yang telah disahkan hanya layak menerima satu (1) hadiah dan tidak boleh dipilih semula bagi kategori hadiah yang lain dalam Cabutan Bertuah yang sama.

7. PEMBATALAN KELAYAKAN

- 7.1. CBP berhak membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak atau pemenang sekiranya:
- i. Pelanggan didapati tidak memenuhi mana-mana syarat kelayakan;
 - ii. Maklumat yang diberikan oleh pelanggan didapati tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan;
 - iii. Akaun Pembiayaan telah diselesaikan sepenuhnya sebelum tarikh Cabutan Bertuah;
 - iv. Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat Promosi atau Terma dan Syarat Tambahan ini; atau
 - v. Terdapat unsur penipuan, manipulasi atau penyalahgunaan yang berkaitan dengan penyertaan Cabutan Bertuah.
- 7.2. Sekiranya kelayakan pemenang dibatalkan, CBP berhak memilih pemenang baharu melalui cabutan semula.

8. TUNTUTAN DAN PENYERAHAN HADIAH

- 8.1. Pemenang hendaklah membuat tuntutan hadiah dalam tempoh yang ditetapkan oleh CBP selepas menerima notifikasi kemenangan.
- 8.2. Pemenang hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri dan/atau dokumen lain yang diperlukan bagi tujuan pengesahan dan tuntutan hadiah.
- 8.3. Hadiah akan diserahkan kepada pemenang melalui kaedah yang ditetapkan oleh CBP.
- 8.4. Sebarang kos, fi, caj, cukai, pendaftaran, penghantaran atau kos lain yang berkaitan dengan penerimaan atau pemilihan hadiah, jika berkenaan, adalah menjadi tanggungjawab pemenang melainkan dinyatakan sebaliknya oleh CBP.

- 8.5. Bagi hadiah berupa kenderaan, sebarang kos berkaitan pendaftaran, insurans, cukai jalan dan kos lain selepas penyerahan hadiah adalah menjadi tanggungjawab pemenang, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh CBP.
- 8.6. Bagi hadiah berupa barangan elektronik atau baucar, CBP tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kehilangan atau isu berkaitan hadiah selepas hadiah diserahkan kepada pemenang, tertakluk kepada terma waranti atau syarat pembekal, jika berkenaan.

9. PUBLISITI DAN PERLINDUNGAN DATA

- 9.1. Dengan menyertai Cabutan Bertuah, Pelanggan Yang Layak bersetuju bahawa CBP boleh menghubungi pelanggan bagi tujuan pentadbiran, pengesahan kelayakan dan pengurusan Cabutan Bertuah.
- 9.2. Dengan menerima hadiah, pemenang bersetuju bahawa CBP boleh menggunakan nama, gambar, imej dan/atau maklumat berkaitan kemenangan pemenang bagi tujuan pengumuman, hebahan dan publisiti Cabutan Bertuah melalui saluran rasmi CBP, tertakluk kepada undang-undang dan polisi yang berkuat kuasa. Pemenang dimaklumkan bahawa persetujuan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada CBP, selaras dengan Seksyen 38 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 9.3. Sebarang pemprosesan data peribadi pelanggan hendaklah dilaksanakan mengikut undang-undang, polisi dan notis privasi CBP yang berkuat kuasa.

10. UMUM

- 10.1. Keputusan yang dibuat oleh pihak CBP terhadap semua perkara dan / atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Cabutan Bertuah ini adalah muktamad. Sebarang pertikaian dan surat-menyurat selanjutnya tidak akan dilayan.
- 10.2. Pihak CBP mempunyai hak dan pertimbangan yang muktamad untuk mengubah, meminda, memansuhkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan secara khususnya di dalam dokumen ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah jangka masa Cabutan Bertuah yang dianggap perlu dan wajar dengan memberi notis kepada pelanggan selaras dengan tempoh notis yang dinyatakan di bawah Klausula 2.3.
- 10.3. Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan / atau representasi yang terkandung di dalam mana-mana bahan Promosi lain yang mengiklankan Cabutan Bertuah ini.
- 10.4. Dengan menyertai Cabutan Bertuah ini, para Pelanggan Yang Layak dan / atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat-Syarat yang telah dinyatakan.
- 10.5. Pihak CBP tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan atau kelewatan berkaitan dengan Cabutan Bertuah ini disebabkan oleh takdir, peperangan, rusuhan, pemogokan, halangan masuk oleh majikan, tindakan industri, kebakaran, banjir, musim kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa kejadian di luar bidang kuasa kawalan yang sepatutnya oleh pihak CBP.
- 10.6. Kesemua Terma dan Syarat yang termaktub di sini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia.